

**PERANAN PEMIMPIN SEKOLAH DALAM MENINGKATKAN PENGAJARAN
GURU BAHASA INGGERIS BUKAN OPSYEN DI SEKOLAH RENDAH
KEBANGSAAN: SATU KAJIAN AWAL**

**THE ROLE OF SCHOOL LEADERS IN ENHANCING THE TEACHING OF NON-
OPTION ENGLISH TEACHERS IN NATIONAL PRIMARY SCHOOLS: A
PRELIMINARY STUDY**

Azlie Ibrahim

***Shanina Sharatol Ahmad Shah**

Fatiha Senom

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

**shanina@um.edu.my*

ABSTRACT

The obligation of non-option English teachers to teach English as a Second Language (ESL) has become a critical challenge for educational leadership in primary schools experiencing shortages of specialist teachers. Despite growing concern, limited research has examined how school leadership supports and enhances the instructional practices of non-specialist teachers. This study explores the instructional practices of non-option English teachers in Malaysian national primary schools and investigates the role of school leadership in improving teaching effectiveness. A qualitative study was conducted involving four non-option primary English teachers assigned to teach English. Data were collected through semi-structured interviews and classroom observations and analysed using thematic analysis. The findings reveal that non-option English teachers adopt adaptive instructional practices to support pupils' foundational understanding, particularly among low-proficiency learners. These practices include instructional simplification, first-language support, structured lesson delivery, flexible activity adjustments, and the use of interactive strategies to enhance engagement. The study further finds that school leadership plays a critical role in shaping teaching effectiveness. Supportive leadership practices, including pedagogical guidance, collaborative culture, mentoring structures, and flexibility in instructional supervision, enable non-option English teachers to refine and adapt their classroom practices. In contrast, inconsistent or limited formal support may constrain pedagogical innovation, particularly in lower-ability classes. The study concludes that improving the teaching of non-option English teachers depends not only on individual capability but also on the strength of instructional leadership and organisational support structures within schools. The findings underscore the strategic role of school leaders in fostering collaborative environments and building teacher capacity to sustain instructional quality in primary schools facing shortages of specialist English teachers.

Keywords: *Non-option ESL teachers, instructional leadership, out-of-field teaching, teacher beliefs and practices, primary education.*

PENGENALAN

Kualiti pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah merupakan asas penting dalam pembentukan kecekapan bahasa dan pencapaian akademik murid pada peringkat seterusnya. Dalam konteks globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan, penguasaan Bahasa Inggeris sejak awal persekolahan

semakin dianggap sebagai keperluan strategik dalam pembangunan modal insan. Darling-Hammond (2021) serta Fauth et al. (2019) menegaskan bahawa kualiti guru merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi keberkesanan pendidikan dan hasil pembelajaran murid dalam jangka panjang. Namun demikian, kekurangan guru Bahasa Inggeris terlatih dalam banyak sistem pendidikan telah membawa kepada penugasan guru bukan opsyen untuk mengajar mata pelajaran tersebut, termasuk di sekolah rendah.

Fenomena pengajaran luar bidang semakin diiktiraf sebagai cabaran organisasi dalam sistem pendidikan global. Keadaan ini berlaku apabila guru mengajar mata pelajaran yang bukan bidang pengkhususan atau latihan profesional mereka. Hobbs dan Porsch (2021) menunjukkan bahawa penempatan sedemikian boleh menjejaskan kualiti pengajaran sekiranya guru tidak memiliki pengetahuan kandungan dan pedagogi yang mencukupi. Hobbs (2013) pula menjelaskan bahawa pengajaran luar bidang merupakan peristiwa merentasi sempadan profesional yang boleh mencabar identiti guru serta mempengaruhi keyakinan dalam amalan pengajaran. Obias et al. (2025) turut melaporkan bahawa guru yang mengajar di luar bidang kepakaran berhadapan dengan efikasi diri yang lebih rendah dan tuntutan persediaan yang lebih tinggi.

Dalam konteks Malaysia, penugasan guru Bahasa Inggeris bukan opsyen di sekolah rendah merupakan realiti yang ketara, khususnya di sekolah yang menghadapi kekurangan guru pengkhususan. Walaupun guru bukan opsyen memastikan kesinambungan pengajaran, persoalan penting yang timbul ialah bagaimana mereka melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris dalam keadaan tersebut dan sejauh mana kepimpinan sekolah menyokong keberkesanan amalan mereka. Kajian terdahulu di Malaysia lebih menumpukan kepada isu kompetensi atau pencapaian murid (Amirullah, 2018; Bipinchandra et al., 2014; Cheng et al., 2024; Wong et al., 2019), manakala peranan kepimpinan sekolah dalam menyokong guru bukan opsyen masih kurang diterokai secara empirikal.

Dalam situasi kekurangan guru pakar, kepimpinan sekolah menjadi faktor kritikal yang boleh mempengaruhi kualiti pengajaran. Hallinger (2011) mentakrifkan kepimpinan instruksional sebagai usaha sistematik pemimpin sekolah untuk meningkatkan pengajaran melalui hala tuju yang jelas, pemantauan yang membina dan pembangunan profesional guru. Leithwood et al. (2020) serta Gechere et al. (2025) menunjukkan bahawa kepimpinan yang berfokus kepada pembelajaran meningkatkan kapasiti guru dan seterusnya memberi kesan kepada pencapaian murid. Dalam konteks guru bukan opsyen, kepimpinan sekolah berpotensi membentuk budaya kolaboratif, memberi ruang penyesuaian pedagogi, serta menyediakan sokongan profesional yang diperlukan bagi memastikan pengajaran dilaksanakan secara berkesan.

Walaupun literatur antarabangsa telah membincangkan pengajaran luar bidang dan kepimpinan sekolah seperti kajian oleh Bermoy (2025), Co et al. (2021), Cruz et al. (2025), Espiritu (2025), Gaso (2025) serta Hobbs dan Porsch (2021), kajian yang meneliti secara khusus peranan pemimpin sekolah dalam meningkatkan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen di sekolah rendah masih terhad. Tambahan pula, konteks negara membangun seperti Malaysia, yang mempunyai kepelbagaian tahap penguasaan bahasa dalam kalangan murid, memerlukan pemahaman yang lebih kontekstual tentang bagaimana kepimpinan sekolah mempengaruhi amalan pengajaran guru bukan opsyen.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan kepimpinan sekolah dalam meningkatkan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen di sekolah rendah kebangsaan di Malaysia. Secara khusus, kajian ini mengenal pasti amalan pengajaran guru bukan opsyen serta menerokai bagaimana kepimpinan sekolah menyokong keberkesanan pengajaran tersebut. Dapatan kajian diharapkan dapat memperjelas peranan strategik pemimpin sekolah dalam memastikan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris dapat dipertingkatkan walaupun dalam situasi kekurangan guru pakar.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan kepimpinan sekolah dalam meningkatkan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen di sekolah rendah kebangsaan di Malaysia. Secara khusus, kajian ini meneliti amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru bukan opsyen serta bagaimana kepimpinan sekolah menyokong keberkesanan pengajaran tersebut.

Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

1. Menenal pasti amalan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen di sekolah rendah.
2. Menerokai pengaruh kepimpinan sekolah terhadap keberkesanan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen.

TINJAUAN LITERATUR

Bahagian ini meneliti teori, konsep dan bukti empirikal berkaitan pengajaran luar bidang, kepimpinan instruksional serta faktor organisasi dan individu yang mempengaruhi amalan pengajaran guru bukan opsyen. Perbincangan memfokuskan kepada bagaimana kepimpinan sekolah dan konteks organisasi membentuk keadaan kerja guru, seterusnya mempengaruhi kognisi, identiti profesional dan amalan pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah. Tinjauan ini menyediakan asas teoretikal bagi menjelaskan peranan strategik pemimpin sekolah dalam meningkatkan kualiti pengajaran oleh guru bukan opsyen.

Pengajaran Luar Bidang Sebagai Isu Kepimpinan Pendidikan

Penempatan guru mengajar di luar pengkhususan, termasuk penugasan guru bukan opsyen untuk mengajar Bahasa Inggeris, wajar difahami sebagai isu organisasi dan pengurusan sumber manusia pendidikan. Isu ini biasanya berpunca daripada kekurangan guru pakar, agihan guru yang tidak seimbang dan keperluan operasi sekolah. Literatur antarabangsa menunjukkan bahawa pengajaran luar bidang boleh menjejaskan kualiti pengajaran apabila guru tidak memiliki pengetahuan kandungan, pedagogi khusus subjek dan keyakinan profesional yang mencukupi (Tran, 2023). Beban persediaan yang meningkat, tekanan kerja, serta dilema identiti profesional turut kerap dilaporkan dalam kajian pengajaran luar bidang (Hobbs, 2013; Hobbs & Porsch, 2021). Dalam konteks ini, tanggungjawab pemimpin sekolah adalah menyediakan struktur sokongan yang dapat mengurangkan kesan negatif pengajaran luar bidang dan meningkatkan kapasiti guru.

Amalan Pengajaran Dalam Konteks Organisasi

Amalan pengajaran guru tidak berlaku secara terasing, tetapi dipengaruhi oleh kekangan dan sokongan dalam konteks organisasi sekolah. Pelaksanaan strategi pedagogi sering dimediasi oleh faktor seperti masa, beban tugas, tahap kebolehan murid serta ketersediaan sumber (Gemmink et al., 2021). Dalam situasi pengajaran luar bidang, guru bukan opsyen perlu menyesuaikan pendekatan pengajaran berdasarkan kapasiti profesional dan tuntutan bilik darjah, yang boleh mengehendkan pelaksanaan pedagogi secara ideal (Hobbs, 2013).

Literatur menunjukkan bahawa amalan pengajaran berkembang melalui pengalaman dan interaksi dengan realiti kerja harian (Borg, 2003; Shareefa, 2023). Oleh itu, kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran yang menyokong pelaksanaan amalan pengajaran secara lebih berkesan. Hallinger (2011) menegaskan bahawa kepimpinan instruksional yang menyediakan bimbingan, pemantauan dan pembangunan profesional dapat meningkatkan kualiti pengajaran melalui pengukuhan kapasiti guru dan penyediaan struktur sokongan yang sesuai.

Identiti Profesional, Efikasi Diri dan Kapasiti Guru Bukan Opsyen

Cabaran utama guru bukan opsyen sering melibatkan identiti profesional dan efikasi diri, khususnya apabila guru merasakan diri “bukan guru subjek tersebut” atau kurang kompeten dalam kemahiran kandungan tertentu. Tekanan untuk “memenuhi standard subjek” boleh meningkatkan beban emosi dan kognitif dan seterusnya mempengaruhi keyakinan serta keberanian pedagogi. Literatur identiti guru menunjukkan bahawa identiti profesional bersifat dinamik dan dipengaruhi oleh pengiktirafan sosial, peranan formal di sekolah, serta pengalaman kejayaan atau kegagalan dalam pengajaran (Orfali et al., 2024; Simon, 2024). Dalam pengajaran luar bidang, Hobbs (2013) menghujahkan bahawa guru mengalami “*boundary crossing*” yang memerlukan penyesuaian identiti, pengetahuan dan amalan. Oleh itu, pembangunan kapasiti (kompetensi linguistik dan pedagogi) perlu dilihat menjangkaui latihan teknikal dengan mengambil kira bersama sokongan psikososial dan pengiktirafan profesional.

Kepimpinan Instruksional Sebagai Pemacu Kualiti Pengajaran

Kepimpinan instruksional memberikan asas teori yang kukuh untuk menilai bagaimana pemimpin sekolah mempengaruhi pengajaran, termasuk dalam situasi guru bukan opsyen. Kepimpinan instruksional menekankan peranan pemimpin dalam membina visi pengajaran, menyelaras kurikulum, memantau pengajaran, menyediakan sumber dan membangunkan keupayaan guru (Hallinger, 2011). Bukti meta-analisis menunjukkan bahawa dimensi kepimpinan yang paling kuat kesannya terhadap pembelajaran murid ialah tindakan pemimpin yang terarah kepada pembangunan guru dan kualiti pengajaran (Tan et al., 2021). Dalam konteks guru bukan opsyen, kepimpinan instruksional bukannya bersifat menghukum tetapi berfungsi sebagai struktur sokongan untuk mengurangkan ketidakpastian profesional, memudahkan akses kepada kolaborasi rakan sejawat, serta membina akauntabiliti yang realistik dan membangun.


Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini mengintegrasikan kepimpinan instruksional, *Model Job Demands-Resources* (JD-R) serta kognisi dan identiti profesional guru untuk menjelaskan bagaimana kepimpinan sekolah mempengaruhi amalan pengajaran guru bukan opsyen. Integrasi ini diperlukan kerana pengajaran luar bidang melibatkan interaksi antara faktor organisasi dan proses psikologi guru (Bakker & Demerouti, 2007; Borg, 2003; Hallinger, 2011).

Dalam kerangka ini, kepimpinan instruksional bertindak sebagai pemacu utama yang membentuk keadaan kerja guru melalui penyediaan sumber organisasi seperti bimbingan, pembangunan profesional dan kolaborasi. Model JD-R menerangkan bahawa guru berhadapan dengan tuntutan kerja seperti beban persediaan dan kekangan kompetensi, namun sumber organisasi yang mencukupi dapat mengurangkan tekanan dan meningkatkan motivasi (Bakker & Demerouti, 2007; Demerouti et al., 2001).

Pada peringkat individu, kognisi dan identiti profesional guru menentukan bagaimana mereka mentafsir tuntutan kerja dan memanfaatkan sumber yang tersedia. Kepercayaan pedagogi (Borg, 2003) serta identiti profesional (Orfali et al., 2024; Simon, 2024) mempengaruhi bentuk amalan pengajaran yang dilaksanakan. Dalam situasi kekangan, guru cenderung menggunakan strategi adaptif seperti pemudahan bahasa dan perancangan berstruktur bagi memastikan pembelajaran terus berlangsung.

Kerangka ini mencadangkan bahawa keberkesanan pengajaran guru bukan opsyen bergantung pada interaksi dinamik antara tuntutan kerja, sumber organisasi yang dipacu oleh kepimpinan serta faktor psikologi guru. Kepimpinan sekolah berperanan sebagai faktor pengukuh yang dapat menyokong penyesuaian pedagogi secara lebih berkesan.

Rajah 1**Model Kerangka Konseptual Awal**

Rajah 1 menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional mempengaruhi penyediaan sumber organisasi seperti kolaborasi dan sokongan profesional. Guru bukan opsyen berhadapan dengan tuntutan kerja yang tinggi, dan interaksi antara tuntutan serta sumber tersebut membentuk kognisi dan identiti profesional guru. Faktor-faktor ini seterusnya mempengaruhi amalan pengajaran yang dilaksanakan di bilik darjah.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini memperincikan pendekatan metodologi yang digunakan untuk memahami secara mendalam pengalaman pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen dalam konteks sekolah rendah kebangsaan. Huraian meliputi reka bentuk kajian kualitatif, pemilihan peserta, strategi pengumpulan dan analisis data, serta prosedur untuk memastikan kredibiliti, kebolehpindahan dapatan dan pematuhan kepada prinsip etika penyelidikan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretif bagi meneroka secara mendalam kepercayaan dan amalan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen serta pengaruh kepimpinan sekolah terhadap pengalaman profesional mereka. Pendekatan kualitatif dipilih kerana fenomena pengajaran luar bidang melibatkan makna subjektif dan pengalaman kontekstual yang perlu difahami daripada perspektif peserta (Merriam & Tisdell, 2009).

Reka bentuk kajian berasaskan analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti pola makna yang muncul daripada data serta memahami pengalaman bersama peserta secara menyeluruh. Analisis tematik sesuai untuk meneliti fenomena sosial yang kompleks kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir tema merentas data tanpa terikat kepada kerangka teori tertentu (Braun & Clarke, 2006). Pendekatan ini amat sesuai bagi kajian yang bertujuan meneroka pengalaman profesional guru dalam konteks sebenar sekolah.

Selain itu, penggunaan analisis tematik membolehkan perbandingan merentas peserta bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam amalan pengajaran serta faktor yang mempengaruhi pengalaman mereka. Proses analisis yang sistematik membantu menghasilkan interpretasi yang mendalam tentang fenomena yang dikaji (Creswell & Poth, 2016), sekali gus menyediakan asas yang kukuh untuk memahami pengajaran oleh guru bukan opsyen dalam konteks sekolah rendah kebangsaan di Malaysia.

Pemilihan Peserta

Peserta kajian dipilih menggunakan pensampelan bertujuan berdasarkan kriteria khusus yang berkaitan dengan fenomena yang dikaji. Kriteria utama ialah guru sekolah rendah kebangsaan yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam pengajaran Bahasa Inggeris tetapi ditugaskan mengajar subjek tersebut secara berterusan. Selain itu, peserta perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar Bahasa Inggeris serta pengalaman mengikuti program pembangunan profesional berkaitan bahasa. Pendekatan ini membolehkan pemilihan peserta yang mempunyai pengalaman langsung dan relevan dengan fokus kajian.

Seramai empat orang guru memenuhi kriteria dan bersetuju untuk menyertai kajian. Saiz sampel yang kecil dianggap sesuai dalam kajian kualitatif kerana memberi ruang kepada penerokaan mendalam terhadap pengalaman dan perspektif peserta serta menghasilkan data yang kaya dan bermakna (Merriam & Tisdell, 2009). Peserta yang dipilih mewakili latar belakang pengkhususan yang berbeza serta konteks sekolah bandar dan luar bandar bagi menyediakan variasi pengalaman yang dapat memperkayakan analisis tema merentas data. Identiti peserta dilindungi melalui penggunaan nama samaran. Berikut ialah ringkasan maklumat responden.

Jadual 1

Maklumat Responden

Nama	Kelayakan	Tahun Mengajar Bahasa Inggeris	CEFR	Lokasi Sekolah
Rosniah	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu	24 tahun	B1	Sekolah luar bandar
Munah	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu	11 tahun	C1	Sekolah bandar
Mutu	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sejarah	14 tahun	B2	Sekolah bandar
Timah	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains	15 tahun	B1	Sekolah luar bandar

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui dua teknik utama, iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian bilik darjah, bagi memperoleh pemahaman yang menyeluruh tentang amalan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen serta peranan kepimpinan sekolah dalam menyokong pelaksanaannya. Penggunaan dua sumber data ini membolehkan triangulasi dilakukan dan meningkatkan keteguhan serta kredibiliti dapatan kajian.

Bagi temu bual, satu protokol temu bual telah dibangunkan berpandukan struktur yang disarankan oleh Montoya (2016), yang menekankan kejelasan tujuan, susunan soalan yang sistematik dan keseimbangan antara soalan utama serta soalan susulan. Protokol ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama adalah soalan pembukaan bertujuan mendapatkan maklumat latar belakang profesional peserta sebagai guru bukan opsyen. Bahagian kedua adalah soalan utama yang memfokuskan kepada objektif kajian. Peserta kajian dikehendaki memberi pandangan mereka mengenai amalan pengajaran yang dilaksanakan, cabaran pelaksanaan dalam konteks bilik darjah, serta bentuk sokongan kepimpinan yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Pendekatan separa berstruktur membolehkan peserta menghuraikan pengalaman mereka secara mendalam, di samping memastikan isu utama kajian dibincangkan secara konsisten merentas peserta (Merriam, 1998).

Bagi memastikan kesahan kandungan, protokol temu bual telah disemak dan disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang kepimpinan pendidikan dan pengajaran Bahasa Inggeris serta seorang pakar bahasa

untuk memastikan ketepatan dan kejelasan bahasa. Maklum balas pakar digunakan untuk memperkemas struktur soalan, kesesuaian dengan objektif kajian dan kejelasan istilah yang digunakan.

Pemerhatian bilik darjah dijalankan menggunakan senarai semak yang diadaptasi daripada instrumen penaziran pengajaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Senarai semak ini merangkumi aspek perancangan pengajaran, penyampaian kandungan, pengurusan kelas, interaksi guru-murid dan strategi pentaksiran formatif. Sesi pengajaran dirakam dengan kebenaran peserta dan disertai catatan lapangan yang terperinci bagi merekodkan pelaksanaan strategi pengajaran serta bentuk penyesuaian yang dilakukan guru dalam konteks sebenar bilik darjah.

Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini dilaksanakan secara sistematik dan mematuhi prinsip etika penyelidikan. Penyelidik terlebih dahulu memperoleh kelulusan rasmi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah, serta jawatankuasa etika universiti. Setelah kebenaran diperoleh, sekolah dan guru yang memenuhi kriteria kajian dikenal pasti dengan persetujuan pihak pentadbiran sekolah. Peserta diberikan maklumat kajian dan borang persetujuan termaklum. Penjelasan mengenai tujuan kajian, kerahsiaan maklumat, serta hak peserta untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi turut diberikan sebelum pengumpulan data dijalankan. Jadual pengumpulan data disusun berdasarkan kesesuaian masa peserta dan pihak sekolah. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian bilik darjah. Pendekatan pelbagai kaedah ini bertujuan memperoleh data yang menyeluruh serta membolehkan triangulasi bagi meningkatkan kredibiliti dapatan kajian.

Teknik Analisis Data

Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006) yang menekankan proses analisis yang sistematik, reflektif dan berulang. Analisis dimulakan dengan fasa pengenalan terhadap data melalui pembacaan berulang transkrip temu bual dan catatan pemerhatian bagi membina kefahaman menyeluruh tentang kandungan data. Pada peringkat ini, penyelidik turut membuat nota awal untuk mengenal pasti idea penting serta makna yang berpotensi signifikan.

Seterusnya, proses pengekodan awal dijalankan dengan mengenal pasti unit makna yang relevan dengan objektif kajian. Kod-kod yang dihasilkan kemudiannya disusun dan dibandingkan bagi membentuk kategori yang lebih luas sebelum dikembangkan kepada tema sementara yang mencerminkan pola makna merentas data. Tema-tema tersebut disemak semula secara berulang dengan merujuk kepada data asal bagi memastikan kesesuaian, ketepatan dan keutuhan representasi terhadap pengalaman peserta. Pada peringkat akhir, tema ditakrifkan dan dinamakan dengan jelas sebelum disusun dalam bentuk naratif dapatan.

Analisis dilakukan secara merentas peserta bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan pengalaman serta faktor yang mempengaruhi amalan pengajaran guru bagi membolehkan pemahaman yang komprehensif tentang fenomena yang dikaji. Proses analisis dijalankan secara berterusan selari dengan pengumpulan data bagi membolehkan pengesahan awal terhadap tema yang muncul, penghalusan interpretasi serta penyesuaian fokus kajian berdasarkan data tambahan yang diperoleh sepanjang tempoh kajian.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Beberapa strategi seperti yang disarankan oleh Merriam dan Tisdell (2009) telah dilaksanakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Pertama, triangulasi sumber dan kaedah digunakan melalui pengumpulan data daripada pelbagai teknik, iaitu temu bual separa berstruktur dan

pemerhatian bilik darjah. Pendekatan ini membolehkan pengesahan silang antara data yang diperoleh serta meningkatkan ketepatan interpretasi terhadap fenomena yang dikaji.

Selain itu, semakan peserta (*member checking*) turut dijalankan dengan memberikan ringkasan dapatan kepada peserta untuk pengesahan. Langkah ini bertujuan memastikan bahawa tafsiran penyelidik adalah selaras dengan pengalaman sebenar peserta serta mengurangkan risiko salah tafsir terhadap makna yang disampaikan.

Kajian ini juga melibatkan penglibatan berpanjangan di lapangan bagi membolehkan penyelidik membina kefahaman kontekstual yang mendalam terhadap persekitaran sekolah dan amalan pengajaran guru. Penglibatan yang berterusan membantu meningkatkan ketepatan pemerhatian serta kepercayaan peserta terhadap penyelidik.

Di samping itu, jejak audit (*audit trail*) disediakan melalui dokumentasi yang sistematik dan terperinci tentang proses pengumpulan dan analisis data, termasuk catatan lapangan, transkrip temu bual dan keputusan analisis. Dokumentasi ini membolehkan proses kajian ditelusuri secara telus serta meningkatkan kebolehpercayaan dapatan.

Akhir sekali, deskripsi mendalam (*thick description*) digunakan dalam pelaporan dapatan bagi memberikan gambaran kontekstual yang jelas tentang situasi kajian. Penyampaian data yang kaya dan terperinci membolehkan pembaca menilai kebolegunaan dapatan dalam konteks lain yang serupa.

Pertimbangan Etika

Kajian ini mematuhi prinsip etika penyelidikan yang melibatkan manusia. Penyertaan responden adalah secara sukarela dengan persetujuan termaklum. Identiti responden dirahsiakan dan semua data disimpan secara selamat. Peserta juga diberi hak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis tematik terhadap data temu bual dan pemerhatian bilik darjah. Dapatan disusun mengikut dua objektif kajian, iaitu (a) amalan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen dan (b) peranan kepimpinan sekolah dalam menyokong keberkesanan pengajaran.

Bagi objektif pertama, dapatan menghuraikan strategi pengajaran yang diamalkan guru, manakala objektif kedua meneliti bagaimana kepimpinan sekolah mempengaruhi pelaksanaan pengajaran tersebut. Rumusan dapatan dikemukakan pada akhir bahagian bagi mensintesis pola utama yang dikenal pasti.

Amalan Pengajaran Guru Bahasa Inggeris Bukan Opsyen

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Inggeris bukan opsyen mengadaptasi pelbagai strategi pengajaran bagi memastikan kefahaman murid dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Inggeris. Amalan ini memperlihatkan usaha guru untuk menyesuaikan pengajaran dengan tahap kebolehan murid serta konteks bilik darjah.

Memudahkan Pengajaran dengan Penggunaan Bahasa Mudah dan Bahasa Pertama. Guru bukan opsyen secara konsisten menggunakan pemudahan bahasa sebagai strategi utama untuk memastikan kefahaman asas murid. Pemudahan ini melibatkan penggunaan kosa kata mudah, ayat ringkas serta penjelasan berulang.

Rosniah menjelaskan:

Saya gunakan perkataan mudah dan kadang-kadang *direct translation* ke Bahasa Melayu supaya murid dapat memahami. [RS:175-176]

Muthu turut menekankan pendekatan yang sama:

Saya selalunya gunakan kosa kata yang sangat simple supaya murid saya dapat faham dan jelas. [MT:109-110]

Pemerhatian bilik darjah menunjukkan bahawa terjemahan dilakukan secara segera apabila murid menunjukkan kekeliruan. Guru sering menulis perkataan Bahasa Inggeris di papan putih, diikuti maksud dalam Bahasa Melayu, serta meminta murid menyebut secara serentak. Dalam kelas berkeupayaan rendah, hampir setiap arahan penting diterjemahkan bagi mengelakkan salah faham.

Tindakan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa pertama sebagai kebiasaan serta strategi pedagogi yang disengajakan untuk menstabilkan kefahaman murid sebelum beralih kepada latihan seterusnya.

Meningkatkan Minat dan Sikap Positif terhadap Bahasa Inggeris. Dapatan turut menunjukkan bahawa guru bukan opsyen memberi perhatian kepada dimensi afektif pembelajaran. Guru berusaha menjadikan Bahasa Inggeris sebagai subjek yang tidak menakutkan dan lebih menyeronokkan. Muthu menyatakan:

Saya permudahkan pengajaran supaya mereka boleh belajar dan percaya bahawa *English* itu menyeronokkan. [MT:203-204]

Seorang lagi responden, Munah, turut menegaskan kepentingan membina keyakinan murid terlebih dahulu sebelum memberi fokus kepada ketepatan bahasa:

Saya selalu beritahu murid jangan takut salah. Kalau salah pun tak apa, yang penting cuba dulu. Bila mereka rasa selamat, barulah mereka berani bercakap. [MH:198-201]

Pemerhatian menunjukkan guru menggunakan pujian lisan secara konsisten seperti “*good*”, “*very good*”, dan memberi tepukan kepada murid yang berjaya menjawab soalan. Dalam satu sesi pemerhatian, guru meminta murid menyanyi bersama sebelum memulakan latihan bertulis menyebabkan suasana kelas menjadi lebih responsif selepas aktiviti tersebut.

Amalan ini menunjukkan bahawa guru bukan opsyen melihat motivasi sebagai prasyarat kepada keberkesanan pembelajaran bahasa.

Menyesuaikan Kaedah Pengajaran Mengikut Keupayaan Murid. Guru bukan opsyen tidak melihat rancangan pengajaran sebagai dokumen yang *rigid*. Sebaliknya, mereka menyesuaikan pengajaran mengikut tahap murid dalam kelas yang berbeza.

Munah menyatakan:

Kalau *lesson plan* tak sesuai, saya akan *improvise* ikut kemampuan murid. [MH:93-94]

Timah turut menegaskan:

Lesson plan hanya panduan... saya ubah aktiviti jika murid tidak dapat ikut. [TM:113-114]

Pemerhatian menunjukkan bahawa dalam kelas lemah, guru memecahkan tugas kepada langkah kecil dan memberi contoh tambahan sebelum murid menjawab secara individu. Sebaliknya, dalam kelas yang lebih baik, guru mengurangkan penjelasan dan memberi lebih ruang kepada murid menjawab secara lisan.

Ini memperlihatkan bahawa guru bukan opsyen mengamalkan penyesuaian secara spontan berdasarkan pemerhatian terhadap kemampuan murid.

Mengamalkan Pendekatan Berpusatkan Murid. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian guru bukan opsyen mengamalkan pendekatan berpusatkan murid dalam usaha meningkatkan penglibatan dan keyakinan berbahasa. Guru melihat peranan mereka bukan semata-mata sebagai penyampai kandungan, tetapi sebagai fasilitator yang membimbing pembelajaran.

Munah menyatakan:

Saya lebih kepada fasilitator... murid *drive* pembelajaran dengan bimbingan saya. [MH:225-226]

Timah turut menegaskan kepentingan memberi peluang kepada murid untuk mencuba dan menyuarakan idea:

Saya bagi mereka cuba jawab dulu walaupun tidak lengkap. Lepas itu baru saya bantu betulkan sedikit demi sedikit supaya mereka lebih yakin. [TM:147-150]

Pemerhatian bilik darjah menunjukkan bahawa guru memberi peluang kepada murid menjawab secara sukarela dan berbincang dalam kumpulan kecil sebelum berkongsi jawapan. Dalam beberapa sesi, guru mengurangkan penerangan langsung dan membenarkan murid mencuba tugas terlebih dahulu, sambil bergerak antara kumpulan untuk memberi bimbingan individu tanpa menghentikan aktiviti kelas.

Namun, pelaksanaan pendekatan ini berbeza mengikut konteks. Dalam kelas berkeupayaan rendah, ruang murid mengurus pembelajaran adalah lebih terhad dan guru masih memainkan peranan dominan bagi memastikan tugas diselesaikan dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan berpusatkan murid dilaksanakan secara bersyarat berdasarkan tahap kebolehan dan kesiapsiagaan murid.

Memilih Kaedah Pengajaran yang Bersesuaian. Selain pendekatan fasilitatif, guru bukan opsyen turut menunjukkan keupayaan memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan konteks dan tahap murid. Pemilihan kaedah ini bertujuan menjadikan pembelajaran lebih menarik serta membantu murid memahami isi pelajaran secara lebih bermakna.

Muthu menggunakan aktiviti kreatif dengan menjelaskan:

Saya minta murid menyanyi atau *role-play* supaya pembelajaran lebih menyeronokkan. [MT:158-159]

Seorang lagi responden Rosniah, turut menekankan kepentingan menyesuaikan kaedah berdasarkan tahap murid:

Kalau murid belum faham, saya tak terus bagi latihan susah. Saya guna gambar dulu atau contoh yang dekat dengan kehidupan mereka supaya mereka boleh nampak dan faham. [RS:233-236]

Pemerhatian menunjukkan bahawa dalam sesi *role-play*, murid membaca dialog secara berpasangan di hadapan kelas dengan guru hanya membetulkan sebutan apabila perlu. Aktiviti ini meningkatkan interaksi lisan dan mengurangkan dominasi guru.

Selain itu, guru menggunakan kad imbasan, latihan berperingkat dan aktiviti berpasangan bagi menyesuaikan pengajaran dengan tahap murid. Dalam kelas lemah, aktiviti dilaksanakan secara lebih berstruktur dan berpandukan skrip manakala dalam kelas yang lebih baik, murid diberi tugasan terbuka untuk membina ayat sendiri.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pemilihan kaedah pengajaran bersifat kontekstual dan berfokus kepada kefahaman serta penglibatan murid.

Peranan Kepimpinan Sekolah Terhadap Keberkesanan Pengajaran Guru Bahasa Inggeris Bukan Opsyen

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru bukan opsyen tidak berlaku secara terasing, tetapi dipengaruhi oleh budaya dan sokongan organisasi yang dibentuk oleh kepimpinan sekolah.

Memimpin Budaya Kolaboratif dalam Kalangan Pemimpin Sekolah. Sokongan daripada rakan sejawat dan komuniti profesional sekolah muncul sebagai faktor penting dalam meningkatkan keyakinan serta keupayaan penyesuaian guru bukan opsyen. Guru yang mempunyai akses kepada perkongsian bahan, bimbingan dan perbincangan profesional didapati lebih yakin dan fleksibel dalam melaksanakan pengajaran.

Munah menyatakan:

Panel panitia dan rakan guru sangat *supportive*... mereka bagi bahan dan kalau tidak faham kami bincang dalam PLC. [MH:291-294]

Rosniah turut menekankan budaya kolaboratif dalam menyelesaikan isu pengajaran:

Kalau ada masalah, saya tanya kawan-kawan... mereka bantu dari segi aktiviti dan cara mengajar. [RS:177-180]

Pemerhatian menunjukkan bahawa guru sering merujuk bahan yang dikongsi dalam kumpulan panitia. Dalam satu sesi, guru menggunakan lembaran kerja yang disediakan oleh guru opsyen dan memaklumkan bahawa bahan tersebut diperoleh melalui perbincangan panitia.

Ini menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah telah membentuk budaya perkongsian profesional yang membantu mengurangkan isolasi guru bukan opsyen.

Menyelia Pengajaran Mengikut Tahap Murid. Dapatan menunjukkan bahawa penyesuaian ini berlaku dalam persekitaran sekolah yang tidak menekan guru untuk mematuhi rancangan pengajaran secara rigid. Guru diberi ruang profesional dan kelonggaran pedagogi untuk mengubah strategi berdasarkan tahap murid tanpa kebimbangan terhadap penilaian negatif.

Muthu menjelaskan:

Ada kelas sangat lemah, ada kelas sangat baik... jadi cara mengajar memang berbeza. [MT:266-269]

Munah turut menggambarkan kesukaran dalam kelas yang lemah:

Dalam kelas lemah, saya kena buat semuanya lebih mudah supaya mereka boleh faham. [MH:274-275]

Pemerhatian bilik darjah menyokong dapatan ini apabila guru menggunakan bahan visual dan penjelasan lebih terperinci dalam kelas berkeupayaan rendah, manakala dalam kelas yang lebih baik guru mengemukakan soalan terbuka dan memberi ruang kepada murid membina ayat secara lebih bebas.

Penyesuaian ini berlaku dalam persekitaran sekolah yang memberi kelonggaran kepada guru untuk mengubah strategi tanpa tekanan pematuhan yang *rigid*. Walaupun penyeliaan formal tidak sentiasa sistematik, struktur organisasi membenarkan pertimbangan profesional guru. Hal ini menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah berperanan sebagai pemudah cara yang menyokong pengajaran responsif terhadap keperluan murid.

Mengalu-alukan Amalan Pengajaran yang Kreatif dan Inovatif. Dapatan menunjukkan bahawa guru diberi ruang untuk menyesuaikan pengajaran tanpa tekanan untuk mematuhi buku teks secara *rigid*. Munah menekankan kebebasan untuk mengubah suai pengajaran:

Lesson plan itu hanya panduan... saya ubah ikut kemampuan murid. [MH:123-128]

Muthu pula menyatakan:

Saya tak ikut buku semata-mata... saya buat aktiviti lain supaya murid lebih faham. [MT:304-310]

Pemerhatian menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai bahan tambahan selain buku teks, termasuk aktiviti kreatif dan tugas yang diubah suai, bagi memastikan pembelajaran kekal relevan dengan tahap murid. Fleksibiliti ini menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah tidak membataskan inovasi pedagogi, sebaliknya membenarkan guru menyesuaikan strategi mengikut konteks bilik darjah.

Rumusan Dapatan

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini adalah seperti berikut yang disusun mengikut objektif kajian.

(1) Amalan Pengajaran Guru Bahasa Inggeris Bukan Opsyen

(a) Memudahkan Pengajaran dengan Penggunaan Bahasa Mudah dan Bahasa Pertama

- Guru menggunakan kosa kata mudah, ayat ringkas dan penjelasan berulang.
- Terjemahan ke Bahasa Melayu digunakan secara konsisten terutama dalam kelas berkeupayaan rendah.
- Arahan penting sering diterjemahkan bagi memastikan kefahaman murid sebelum meneruskan aktiviti.
- Penggunaan bahasa pertama berfungsi sebagai strategi pedagogi untuk menstabilkan kefahaman asas.

(b) Meningkatkan Minat dan Sikap Positif terhadap Bahasa Inggeris

- Guru menekankan suasana pembelajaran yang tidak menakutkan dan lebih menyeronokkan.
- Pujian lisan dan galakan digunakan secara konsisten untuk membina keyakinan murid.
- Aktiviti seperti nyanyian digunakan untuk meningkatkan respons dan penglibatan kelas.
- Guru memberi ruang kepada murid mencuba tanpa takut melakukan kesilapan.

(c) Menyesuaikan Kaedah Pengajaran Mengikut Keupayaan Murid

- Rancangan pengajaran dianggap sebagai panduan yang boleh diubah suai.
- Guru melakukan improvisasi berdasarkan tahap kebolehan kelas.
- Dalam kelas lemah, tugas dipecahkan kepada langkah kecil dan disertakan contoh tambahan.
- Dalam kelas yang lebih baik, guru mengurangkan penjelasan dan memberi ruang respons lisan yang lebih luas.

(d) Mengamalkan Pendekatan Berpusatkan Murid

- Guru memberi peluang kepada murid menjawab secara sukarela dan berbincang dalam kumpulan kecil.
 - Murid dibenarkan mencuba tugas sebelum guru memberi penjelasan lanjut.
 - Guru bergerak antara kumpulan untuk memberi bimbingan individu.
 - Pelaksanaan pendekatan ini bersifat bersyarat dan lebih terkawal dalam kelas berkeupayaan rendah.
- (e) Memilih Kaedah Pengajaran yang Bersesuaian
- Guru menggunakan role-play, nyanyian, kad imbasan dan latihan berperingkat.
 - Bahan visual dan contoh kehidupan seharian digunakan untuk meningkatkan kefahaman.
 - Dalam kelas lemah, aktiviti lebih berstruktur dan berpanduan skrip.
 - Dalam kelas lebih baik, murid diberi tugas terbuka untuk membina ayat sendiri.
 - Pemilihan kaedah bersifat kontekstual dengan fokus kepada kefahaman dan penglibatan murid.
- (2) Peranan Kepimpinan Sekolah dalam Menyokong Keberkesanan Pengajaran
- (a) Memimpin Budaya Kolaboratif
- Guru menerima sokongan daripada rakan sejawat melalui panitia dan PLC.
 - Perkongsian bahan dan perbincangan profesional membantu meningkatkan keyakinan guru.
 - Guru merujuk bahan yang dikongsi oleh guru opsyen dalam pengajaran.
 - Budaya kolaboratif mengurangkan isolasi guru bukan opsyen.
- (b) Menyelia Pengajaran Mengikut Tahap Murid
- Guru diberi kelonggaran untuk menyesuaikan strategi mengikut tahap murid.
 - Sekolah tidak menekan pematuhan rigid terhadap rancangan pengajaran.
 - Penyeliaan bersifat membimbing dan memberi ruang pertimbangan profesional.
 - Struktur organisasi membenarkan pengajaran responsif terhadap perbezaan kelas.
- (c) Mengalu-alukan Amalan Pengajaran Kreatif dan Inovatif
- Guru bebas mengubah suai rancangan pengajaran mengikut kemampuan murid.
 - Penggunaan bahan tambahan selain buku teks digalakkan.
 - Sekolah tidak membataskan inovasi pedagogi.
 - Kepimpinan sekolah bertindak sebagai pemudah cara dalam menyokong fleksibiliti pengajaran.

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen serta menerokai peranan kepimpinan sekolah dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran. Perbincangan ini disusun mengikut dua objektif kajian dengan memberi penekanan kepada dimensi kepimpinan sekolah sebagai teras analisis.

Amalan Pengajaran Guru Bahasa Inggeris Bukan Opsyen

Bagi objektif pertama, dapatan menunjukkan bahawa guru bukan opsyen mengamalkan strategi pemudahan bahasa, penggunaan bahasa pertama, penyesuaian pengajaran mengikut tahap murid serta pemilihan kaedah pengajaran yang kreatif seperti nyanyian dan *role-play*. Pendekatan ini dilaksanakan bagi memastikan kefahaman asas murid sebelum kemahiran bahasa yang lebih kompleks dapat dibangunkan. Guru turut menunjukkan fleksibiliti pedagogi dengan mengubah suai rancangan pengajaran berdasarkan respons murid di dalam kelas. Walaupun terdapat kecenderungan ke arah pendekatan berpusatkan murid, pelaksanaannya bergantung pada tahap kebolehan murid dan kekangan masa pengajaran.

Penemuan ini selari dengan dapatan Goyibova et al. (2025) dan Parsons et al. (2018) yang menunjukkan bahawa guru menyesuaikan pedagogi bagi memenuhi keperluan murid dalam konteks sebenar bilik darjah. Fleksibiliti pedagogi yang ditunjukkan turut menyokong pandangan Borg (2003) bahawa kognisi guru memainkan peranan penting dalam membentuk keputusan pengajaran, serta dapatan König et al. (2021) yang menegaskan hubungan antara kompetensi pedagogi dan kualiti pengajaran. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan komunikatif yang tidak sepenuhnya ideal adalah konsisten dengan Gemmink et al. (2021) dan Santos (2020), yang menunjukkan bahawa faktor kontekstual seperti tahap murid dan kekangan masa mempengaruhi pelaksanaan pedagogi bahasa. Dapatan Oo et al. (2021) dan Wolff et al. (2020) turut mengesahkan bahawa tindakan guru dipengaruhi oleh pengalaman praktikal dan skrip situasi bilik darjah.

Dari sudut sumbangan teoritikal, kajian ini memperluas literatur tentang amalan pengajaran guru dengan menunjukkan bahawa pengajaran oleh guru bukan opsyen bukan sekadar mencerminkan kekurangan kepakaran, tetapi merupakan proses adaptasi profesional yang dipengaruhi oleh konteks bilik darjah. Borg (2003) dan Gemmink et al. (2021) menegaskan bahawa tindakan pedagogi dibentuk oleh interaksi antara pengalaman guru dan kekangan organisasi. Dalam pengajaran luar bidang, Perl-Nussbaum et al. (2025) menunjukkan bahawa guru perlu menyesuaikan amalan mereka apabila merentasi sempadan pengkhususan. Integrasi dengan Model JD-R mengukuhkan hujah bahawa amalan pengajaran perlu difahami sebagai tindak balas terhadap konfigurasi tuntutan dan sumber dalam persekitaran kerja sebenar.

Dari segi implikasi praktikal, latihan profesional untuk guru bukan opsyen perlu menekankan strategi berbeza, pemilihan kaedah kontekstual dan pengurusan kelas pelbagai tahap. Bellibaş et al. (2022) serta Hallinger (2011) menunjukkan bahawa penyesuaian instruksional dan sokongan kepimpinan instruksional penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Justeru, pembangunan profesional perlu membantu guru memperkukuh pertimbangan pedagogi melalui bimbingan dan kolaborasi berterusan.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan berpusatkan murid didapati tidak konsisten, khususnya dalam kelas berkeupayaan rendah yang lebih berstruktur. Dapatan ini selari dengan Gemmink et al. (2021) dan Du Plessis et al. (2024) yang menegaskan bahawa kekangan konteks mempengaruhi fleksibiliti pedagogi. Tanpa sokongan sistematik, guru cenderung menggunakan strategi yang lebih selamat dan berstruktur bagi memastikan kelangsungan pengajaran.

Peranan Kepimpinan Sekolah Terhadap Keberkesanan Pengajaran Guru Bahasa Inggeris Bukan Opsyen

Bagi objektif kedua, dapatan menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk budaya sokongan terhadap guru bukan opsyen. Budaya kolaboratif melalui panitia dan komuniti pembelajaran profesional membantu guru berkongsi bahan, mendapatkan bimbingan serta meningkatkan keyakinan pedagogi. Guru juga diberi kelonggaran untuk menyesuaikan pengajaran mengikut tahap murid tanpa tekanan pematuhan yang rigid terhadap rancangan pengajaran.

Penemuan ini selari dengan Hallinger (2011) dan Leithwood et al. (2020) yang menegaskan bahawa kepimpinan instruksional berperanan membina kapasiti guru melalui budaya sokongan dan pembangunan profesional. Hobbs dan Porsch (2021) menunjukkan bahawa kekurangan guru pakar sering membawa kepada penugasan luar bidang, menjadikan kepimpinan sekolah faktor kritikal dalam mengurus situasi tersebut. Tan et al. (2021) turut mendapati bahawa kepimpinan yang memberi tumpuan kepada pembangunan guru mempunyai hubungan dengan pencapaian murid, manakala Prenger et al. (2019) menekankan peranan komuniti pembelajaran profesional dalam meningkatkan kapasiti kolektif sekolah. Dalam konteks pengajaran bahasa, Isik (2025) serta Molotovskaya dan Gussenova (2025) menegaskan bahawa pemerolehan bahasa kedua dipengaruhi oleh peluang penggunaan bahasa dan persekitaran pembelajaran yang menyokong.

Dari sudut sumbangan teoritikal, kajian ini mengukuhkan perspektif kepimpinan instruksional dengan menunjukkan bahawa kelonggaran pedagogi dan budaya kolaboratif penting dalam menyokong guru bukan opsyen. Hallinger (2011) serta Leithwood et al. (2020) menegaskan bahawa kepimpinan yang berfokus kepada pembangunan guru memberi kesan langsung kepada kualiti pengajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa dalam konteks kekurangan guru pakar, kepimpinan sekolah berperanan sebagai pemangkin peningkatan amalan pengajaran. Integrasi dengan Model JD-R menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah bertindak sebagai mekanisme pelindung yang mengurangkan ketidakseimbangan antara tuntutan kerja dan sumber organisasi.


Implikasi praktikalnya, pemimpin sekolah perlu memperkukuh struktur sokongan formal seperti sistem mentor-mentee, pemantauan yang membimbing dan pengukuhan komuniti pembelajaran profesional. Chapman (2018) menunjukkan bahawa kolaborasi profesional meningkatkan kapasiti kolektif sekolah. Tanpa intervensi yang terancang, keberkesanan pengajaran mungkin bergantung kepada usaha individu guru semata-mata.

Secara kritikal, tahap sokongan formal didapati berbeza antara sekolah, selari dengan dapatan Hobbs dan Porsch (2021). Selain itu, kajian ini melibatkan sampel yang terhad, maka dapatan perlu ditafsirkan secara berhati-hati. Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan bukti empirikal tentang peranan strategik kepimpinan sekolah dalam meningkatkan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen.

Kajian ini telah memperkukuh kerangka konseptual sedia ada berdasarkan dapatan empirikal yang diperolehi. Perubahan utama menunjukkan bahawa hubungan antara komponen dalam kerangka konseptual ini lebih dinamik dan saling mempengaruhi dan tidak bersifat linear semata-mata. Kepimpinan instruksional tidak hanya digambarkan sebagai faktor yang mengalir secara langsung kepada tuntutan kerja dan sumber organisasi, sebaliknya berfungsi sebagai pengimbang yang mempengaruhi konfigurasi kedua-dua elemen tersebut. Rajah baharu turut menegaskan hubungan dua hala antara tuntutan kerja dan sumber organisasi serta menunjukkan bahawa amalan pengajaran dipengaruhi secara langsung oleh keseimbangan antara kedua-duanya, selain melalui kognisi dan identiti guru. Penambahbaikan ini menggambarkan bahawa pengajaran guru bukan opsyen merupakan tindak balas terhadap interaksi konteks kerja dan sokongan organisasi yang menonjolkan sifat model yang lebih interaktif berbanding kerangka sebelumnya. Justeru, kerangka konseptual baru yang diperolehi menerusi kajian ini adalah seperti dalam Rajah 2.

Rajah 2

Model Kerangka Konseptual Pengaruh Kepimpinan terhadap Amalan Pengajaran Guru Bahasa Inggeris Bukan Opsyen



Kerangka konseptual yang diperbaharui ini memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang peranan kepimpinan sekolah dalam mempengaruhi amalan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen. Penekanan terhadap keseimbangan antara tuntutan kerja dan sumber organisasi menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran tidak hanya ditentukan oleh keupayaan individu. Sebaliknya turut bergantung pada sokongan dan keadaan kerja yang dibentuk oleh kepimpinan sekolah.

Rajah 2 merumuskan dapatan kajian dengan menempatkan kepimpinan instruksional sebagai faktor yang membentuk persekitaran profesional guru dan seterusnya mempengaruhi pelaksanaan pengajaran secara responsif terhadap konteks bilik darjah. Model ini menyediakan asas konseptual yang lebih kukuh untuk memahami fenomena pengajaran luar bidang di sekolah rendah serta berpotensi menjadi rujukan bagi kajian lanjutan dan amalan kepimpinan pendidikan pada masa hadapan.

IMPLIKASI KEPADA KEPIMPINAN DAN AMALAN PENDIDIKAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penugasan guru bukan opsyen untuk mengajar Bahasa Inggeris adalah menjangkaui tindakan pengagihan tugas. Sebaliknya, ia memerlukan pendekatan kepimpinan yang berfokus kepada pembangunan kapasiti profesional. Pemimpin sekolah perlu melaksanakan kepimpinan instruksional melalui bimbingan pedagogi berterusan, pemantauan yang membina serta pembangunan profesional yang khusus dan bersasar. Latihan umum didapati kurang berkesan tanpa mengambil kira keperluan sebenar guru bukan opsyen.

Budaya kolaboratif turut memainkan peranan penting dalam menyokong guru. Pengukuhan komuniti pembelajaran profesional, sistem *mentor-mentee* serta perkongsian bahan pengajaran dapat meningkatkan kompetensi dan efikasi sendiri guru. Sokongan rakan sejawat membantu mengurangkan kebergantungan kepada usaha individu semata-mata.

Dari sudut organisasi, penyusunan semula beban tugas dan penyediaan sumber yang mencukupi penting bagi membolehkan guru membuat persediaan yang berkualiti. Pemimpin sekolah juga perlu memberi ruang kepada pertimbangan profesional guru untuk menyesuaikan pengajaran mengikut tahap murid tanpa tekanan pematuhan yang *rigid*.

Kepimpinan sekolah yang responsif dan berorientasikan pembangunan kapasiti berpotensi meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris oleh guru bukan opsyen serta menyokong pembelajaran yang lebih saksama di sekolah rendah.

KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan amalan pengajaran guru Bahasa Inggeris bukan opsyen serta peranan kepimpinan sekolah dalam menyokong keberkesanannya. Dapatan menunjukkan bahawa guru mengamalkan strategi pengajaran adaptif dan kontekstual bagi memenuhi keperluan murid. Namun, keberkesanan strategi tersebut sangat dipengaruhi oleh tahap kepimpinan sekolah.

Kajian ini menegaskan bahawa pengajaran oleh guru bukan opsyen perlu dilihat sebagai isu kepimpinan pendidikan selain isu kompetensi individu. Budaya kolaboratif, bimbingan pedagogi dan ruang pertimbangan profesional yang diberikan oleh pemimpin sekolah didapati memperkukuh amalan pengajaran. Walaupun terhad kepada konteks tertentu, kajian ini menunjukkan bahawa kualiti pengajaran Bahasa Inggeris bergantung pada gabungan usaha guru dan sokongan sistemik sekolah.

RUJUKAN

- Amirullah, A. H. H. (2018). Lesson study: An approach to increase the competency of out-of-field mathematics teachers in building students' conceptual understanding in learning mathematics. *Journal of Educational Science*, 2(2), 1–13. <https://doi.org/10.31258/jes.2.2.p.1-13>
- Bakker, A. B., & Demerouti, E. (2007). The job demands–resources model: State of the art. *Journal of Managerial Psychology*, 22(3), 309–328.
- Bellibaş, M. Ş., Polatcan, M., & Kılınc, A. Ç. (2022). Linking instructional leadership to teacher practices: The mediating effect of shared practice and agency in learning effectiveness. *Educational Management Administration & Leadership*, 50(5), 812–831.
- Bermoy, C. (2025). Navigating pedagogical dilemmas: Insights from English teachers handling non-specialized subjects. *EPRA International Journal of Environmental Economics, Commerce and Educational Management*, 2(1), 1–8. <https://doi.org/10.36713/epra21850>
- Bipinchandra, J. S., Shah, P., & Aziz, J. (2014). Proficiency standards of Melaka non-optionist in-service teachers. *Journal of Education and Practice*, 5(2), 110–117.
- Borg, S. (2003). Teacher cognition in language teaching: A review of research on what language teachers think, know, believe, and do. *Language Teaching*, 36(2), 81–109.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chapman, C. (2018). School-to-school collaboration: Building collective capacity through collaborative enquiry. In *The SAGE handbook of school organization*. SAGE. <https://doi.org/10.4135/9781526465542.n32>
- Cheng, Z., Duraipandi, O., Chao, G., Jiang, L., & Li, H. (2024). Approaches of Malaysian education system to address teachers' shortage issue. *International Journal of Computational and Experimental Science and Engineering*, 10(4). <https://doi.org/10.22399/ijcesen.3719>
- Co, A. G. E., Abella, C. R. G., & De Jesus, F. S. (2021). Teaching outside specialization from the perspective of science teachers. *Open Access Library Journal*, 8(8), 1–13. <https://doi.org/10.4236/oalib.1107725>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE.
- Cruz, G. B. D., Albastro, R., Capangpangan, K., Laborte, E., Lomocso, A. N. M., & Prieto, C. M. (2025). Echoing the voices of teachers beyond specialization: The lived experiences of non-TLE teachers in teaching TLE subjects. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 51(8), 395–411. <https://doi.org/10.9734/ajess/2025/v51i82249>
- Darling-Hammond, L. (2021). Defining teaching quality around the world. *European Journal of Teacher Education*, 44, 295–308. <https://doi.org/10.1080/02619768.2021.1919080>
- Demerouti, E., Bakker, A. B., Nachreiner, F., & Schaufeli, W. B. (2001). The job demands–resources model of burnout. *Journal of Applied Psychology*, 86(3), 499–512.
- Du Plessis, A. E., Küng, E., & Du Plessis, E. (2024). Challenges for pedagogical effectiveness in an ever-changing education landscape: Conceptualisation of pedagogical mobility and flexibility as a context-consciousness. *Education Sciences*, 14(4), 349. <https://doi.org/10.3390/educsci14040349>
- Espiritu, M., & Espiritu, M. (2025). Factors affecting the competence of teachers teaching non-specialized subjects: Basis for an action plan. *Psychology and Education: A Multidisciplinary Journal*, 33(1), 252–264. <https://doi.org/10.70838/pemj.330210>
- Fauth, B., Decristan, J., Decker, A.-T., Büttner, G., Hardy, I., Klieme, E., & Kunter, M. (2019). The effects of teacher competence on student outcomes in elementary science education: The mediating role of teaching quality. *Teaching and Teacher Education*, 86, 102882. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.102882>

- Gasó, R. M. (2025). Challenges faced by teachers handling non-major subjects: A root cause study. *Psychology and Education: A Multidisciplinary Journal*, 33(6), 701–711. <https://doi.org/10.70838/pemj.330608>
- Gechere, T., Oumer, J., & Ouke, T. (2025). Influence of principals' instructional leadership and teachers' efficacy on students' performance in secondary schools in the Wolaita Zone, South Ethiopia. *Discover Sustainability*, 6. <https://doi.org/10.1007/s43621-025-01797-3>
- Gemmink, M., Fokkens-Bruinsma, M., Pauw, I., & Van Veen, K. (2021). How contextual factors influence teachers' pedagogical practices. *Educational Research*, 63, 396–415. <https://doi.org/10.1080/00131881.2021.1983452>
- Goyibova, N., Muslimov, N., Sabirova, G., Kadirova, N., & Samatova, B. (2025). Differentiation approach in education: Tailoring instruction for diverse learner needs. *MethodsX*, 14. <https://doi.org/10.1016/j.mex.2025.103163>
- Hallinger, P. (2011). Leadership for learning: Lessons from 40 years of empirical research. *Journal of Educational Administration*, 49(2), 125–142.
- Hobbs, L. (2013). Teaching 'out-of-field' as a boundary-crossing event: Factors shaping teacher identity. *International Journal of Science and Mathematics Education*, 11, 271–297. <https://doi.org/10.1007/s10763-012-9333-4>
- Hobbs, L., & Porsch, R. (2021). Teaching out-of-field: Challenges for teacher education. *European Journal of Teacher Education*, 44, 601–610. <https://doi.org/10.1080/02619768.2021.1985280>
- Isik, O. (2025). Determinants of second language acquisition: Exploring key variables and their interactions in L2 learning. *International Journal of English Literature and Social Sciences*, 10(3), 465–475. <https://doi.org/10.22161/ijels.103.66>
- König, J., Blömeke, S., Jentsch, A., Schlesinger, L., Nehls, C. F. N., Musekamp, F., & Kaiser, G. (2021). The links between pedagogical competence, instructional quality, and mathematics achievement in the lower secondary classroom. *Educational Studies in Mathematics*, 107, 189–212. <https://doi.org/10.1007/s10649-020-10021-0>
- Leithwood, K., Harris, A., & Hopkins, D. (2020). Seven strong claims about successful school leadership revisited. *School Leadership & Management*, 40(1), 5–22.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Molotovskaya, O., & Gussenova, S. (2025). Language acquisition through the use of authentic materials and tasks in foreign language education. *Bulletin of Toraighyrov University. Pedagogics Series*. <https://doi.org/10.48081/bzks2257>
- Montoya, M. C. (2016). Preparing for interview research: The interview protocol refinement framework. *The Qualitative Report*, 21(5).
- Obias, D., Matitu, C. A., Almodovar, B. J., Nacu, K. F., Orsua, R., Carlos, J., & Simon, C. L. (2025). Exploring the influence of out-of-specialized-field teaching on educators' development and motivation. *International Journal of Multidisciplinary: Applied Business and Education Research*, 6(2), 787–804. <https://doi.org/10.11594/ijmaber.06.02.26>
- Oo, C., Alonzo, D., & Davison, C. (2021). Pre-service teachers' decision-making and classroom assessment practices. *Frontiers in Education*, 6. <https://doi.org/10.3389/feduc.2021.628100>
- Orfali, C. H., Muñoz, M. L. A., Plaza, I. R., & Valenzuela, R. U. (2024). How higher education teachers see their professional identity. *Frontiers in Education*. <https://doi.org/10.3389/feduc.2024.1429847>
- Parsons, S. A., Vaughn, M., Scales, R. Q., Gallagher, M. A., Parsons, A. W., Davis, S. G., Pierczynski, M., & Allen, M. (2018). Teachers' instructional adaptations: A research synthesis. *Review of Educational Research*, 88(2), 205–242.
- Perl-Nussbaum, D., Schwarz, B., & Yerushalmi, E. (2025). Reconceptualizing out-of-field teachers' professional development and classroom implementation: A boundary crossing approach. *Science Education*. <https://doi.org/10.1002/sce.21976>

- Prenger, R., Poortman, C., & Handelzalts, A. (2019). The effects of networked professional learning communities. *Journal of Teacher Education*, 70, 441–452. <https://doi.org/10.1177/0022487117753574>
- Santos, L. (2020). The discussion of communicative language teaching approach in language classrooms. *Journal of Education and E-Learning Research*. <https://doi.org/10.20448/journal.509.2020.72.104.109>
- Shareefa, M. (2023). Demystifying the impact of teachers' qualification and experience on implementation of differentiated instruction. *International Journal of Instruction*. <https://doi.org/10.29333/iji.2023.16122a>
- Simon, E. (2024). Cultivating professional identity: The vital role of practical teaching experience for future educators. *Education Sciences*. <https://doi.org/10.3390/educsci14050439>
- Tan, C., Dimmock, C., & Walker, A. (2021). How school leadership practices relate to student outcomes: Insights from a three-level meta-analysis. *Educational Management Administration & Leadership*, 52, 6–27. <https://doi.org/10.1177/17411432211061445>
- Tran, H. L. (2023). Teaching outside area of expertise: A barrier to or enabler of teachers' sense of competence? *VNU Journal of Foreign Studies*. <https://doi.org/10.63023/2525-2445/jfs.ulis.5162>
- Wolff, C., Jarodzka, H., & Boshuizen, H. (2020). Classroom management scripts: A theoretical model contrasting expert and novice teachers' knowledge and awareness of classroom events. *Educational Psychology Review*, 33, 131–148. <https://doi.org/10.1007/s10648-020-09542-0>
- Wong, L., Osman, K., & Maat, S. M. (2019). Opsyen sebagai moderator dalam hubungan berstruktur antara pengetahuan asas PdP dengan amalan pengajaran guru matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 30–40. <https://doi.org/10.17576/jpen-2019-44.02-04>